

Parit bersemak **berbahaya**

Penduduk mahu sistem perparitan diselenggara untuk elak haiwan berbisa, banjir

SIMPANG LIMA — Penduduk di Peket 100 Simpang Lima di sini mengeluh berikutan keadaan sistem perparitan di sepanjang jalan utama tidak diselenggara secara sistematik pihak berwajib sejak sekian lama.

Seorang penduduk, Nasruddin Misfar, 47, berkata, keadaan parit yang bersemak itu menyebabkan aliran air parit tersekat dan mengundang ancaman kepada penduduk apabila sering terserempak dengan haiwan berbisa.

“Dah banyak kali kami terserempak dengan ular dan biawak sampaikan anak-anak pun takut nak bermain depan rumah,” katanya.

Nasruddin berkata, kawasan halaman rumah penduduk terutama yang tinggal berhampiran parit utama itu biasanya sering dinaiki air apa-

bila hujan berterusan disusuli dengan fenomena air pasang.

Selain itu, katanya, jalan kampung yang baharu diturap juga akan mengalami kerosakan teruk jika sistem perparitan tidak dibaiki secara menyeluruh hingga berlaku pembaziran wang kerajaan.

Peniaga kedai makan, Shamsudin Ahmad Mukhri, 57, pula berkata, beliau berharap agar kerajaan negeri yang akan membentangkan Bajet 2015 November depan dapat memberi tumpuan terhadap masalah sistem perparitan di kawasan ini.

Katanya, keadaan bertambah teruk apabila terdapat kes kemalangan maut yang berlaku hanya diketahui setelah dua hari selepas kejadian, gara-gara parit bersemak dan menghalang pemandangan pemandu kenderaan lain.



Budiman (kanan) bersama penduduk menunjukkan keadaan parit utama di kawasan itu bersemak dan memerlukan perhatian pihak berwajib.

Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi berkata, pihak berwajib perlu menyelesaikan masalah sistem perparitan di kawasan itu bagi mengelakkan banjir seperti mana berlaku di beberapa

pa kampung di Sabak Bernam baru-baru ini.

“Kita tak mahu kejadian sama berlaku, apabila dah banjir baru pihak berwajib nak bersihkan sistem perparitan dan saliran.

“Perkara ini telah disuarakan beberapa kali tapi berlaku tolak menolak antara agensi kerajaan, akhirnya penduduk mengeluh kerana tiada penyelesaian konkrit diambil untuk tindakan,” katanya.

Saran wujud sudut sejarah

SABAK BERNAM — Kerajaan disaran mewujudkan sudut sejarah di Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menempatkan pakar sejarah yang boleh menyumbang idea dan kenyataan berkaitan sejarah perlembagaan negara.

Pengerusi Persatuan Sejarah Daerah Sabak Bernam, Datuk Mat Yasir Ikhsan berkata, dengan adanya sudut sejarah itu nanti, pakar-pakar sejarah terutama dalam soal perlembagaan boleh memberi kefahaman yang lebih jelas kepada rakyat di negara ini.

Menurutnya, soal perlembagaan negara pada masa ini mungkin hanya diperkatakan oleh orang politik dan pihak tertentu sahaja.

“Misalnya orang politik akan cakap pasal perlembagaan negara secara bermusim, tapi kalau ada profesor atau pakar sejarah rakyat akan lebih memahami perlembagaan itu sendiri,” katanya.